

NAMA : NO. KAD PENGENALAN : KELAS : **PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH SEMPORNA****PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2021
EKONOMI (3767/2)****Kertas 2****2 Jam 15 Minit****Dua jam lima belas minit****JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab semua soalan di **Bahagian A** dan dua soalan di **Bahagian B**.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam ruang yang disediakan dalam kertas peperiksaan ini.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
6. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
7. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan kepada pengawas pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi **15** halaman bercetak

Bahagian A

[60 markah]

Arahan : Jawab semua soalan dalam bahagian ini.

1. (a) Maklumat di bawah berkaitan Puan Yuen.

Puan Yuen menceburkan diri dalam bidang perusahaan kecil dan sederhana. Beliau mengusahakan perusahaan membuat cendawan goreng dengan mengupah lima orang pekerja.

- (i) Pada pendapat anda, adakah Puan Yuen dianggap sebagai usahawan? Berikan alasan anda.

[4 markah]

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

- (ii) Terangkan masalah asas ekonomi yang masih belum diselesaikan dalam situasi di atas.

[4 markah]

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

(b) Maklumat yang berikut berkaitan dengan ciri sistem ekonomi bagi dua buah negara.


Negara P	Negara Q
Individu dan firma tidak bebas membuat pilihan.	Individu dan firma bebas membuat pilihan tetapi dikawal oleh kerajaan.

Apakah sistem ekonomi yang diamalkan oleh negara P dan negara Q? [2 markah]

.....

(c) Rajah di bawah menunjukkan keluk penawaran suatu barang.

Harga (RM)



(i) Hitung nilai pekali keanjalan harga penawaran barang tersebut. [2 markah]

.....


- (ii) Tafsirkan nilai pekali keanjalan harga penawaran disebelah. [4 markah]

- (d) Jadual di bawah menunjukkan kuantiti permintaan dan kuantiti penawaran suatu barang di pasaran.

Harga (RM)	Permintaan pasaran (unit)	Penawaran pasaran (unit)
5	55	10
10	50	20
15	40	25
20	30	30
25	20	40
30	10	45

Dengan menggunakan kertas graf yang disediakan, lukiskan keluk keseimbangan pasaran bagi barang tersebut.

[4 markah]



2. Gambar di bawah menunjukkan sebuah iklan kereta tempatan.



(a) Jelaskan fungsi wang yang berkaitan dengan gambar di atas.

[4 markah]

(b) Adakah barang di atas merupakan barang keperluan? Berikan alasan anda.

[3 markah]

- (c) Jelaskan kelebihan dan kelemahan kemudahan overdraf. [4 markah]

- (d) Jadual di bawah menunjukkan fungsi pengeluaran sebuah firma yang mengeluarkan minuman ringan.

Input tetap (unit)	Input berubah (unit)	Jumlah keluaran (unit)	Keluaran purata (unit)	Keluaran sisa (unit)
2	0	0	-	-
2	1	1	1	1
2	2	P	2	3
2	3	11	3.67	7
2	4	17	Q	6
2	5	20	R	S
2	6	20	3.33	0
2	7	16	2.29	T

- (i) Apakah jenis jangka masa pengeluaran firma tersebut? Berikan alasan anda. [2 markah]

- (ii) Tentukan nilai P, Q, R, S dan T. [5 markah]

- (iii) Tingkat input berubah manakah yang paling cekap? Berikan alasan anda. [2 markah]

3. (a) Gambar di bawah berkaitan dengan perkhidmatan kerajaan.



Gambar 1

Berdasarkan gambar 1 diatas,uraikan jenis barang tersebut.

[4 markah]


(b) Jelaskan tiga cara kerajaan mengawal selia pengeluar

[6 markah]

(c) Jelaskan kesan pandemik covid-19 terhadap pertumbuhan ekonomi negara.

[5 markah]

(d) Rajah di bawah menunjukkan komponen dalam imbangan pembayaran.



(i) Apakah Akaun **X** dalam imbangan pembayaran? [1 markah]

.....

(ii) Terangkan butiran dalam Akaun **X**. [4 markah]

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

Bahagian B

[40 markah]

Arahan : Jawab mana-mana dua soalan dalam bahagian ini.

4. Maklumat berikut berkaitan dengan penentu permintaan perkhidmatan teksi di Malaysia.

Masalah Penggunaan Teksi Akan Ditangani

PORT DICKSON - Wakil rakyat berusaha membantu masalah yang dihadapi oleh pengusaha teksi. Rata-rata pengusaha teksi setempat meluahkan masalah yang dihadapi membabitkan perkhidmatan Grabcar. Faktor tersebut menyebabkan pengusahaan pengangkutan teksi terjejas.

(Dipetik dan disesuaikan daripada www.bharian.com.my)

- (a) Dengan menggunakan ilmu ekonomi, terangkan hubungan antara dua jenis perkhidmatan pengangkutan di atas. [6 markah]
- (b) Perkhidmatan pengangkutan Grabcar telah menjelaskan perusahaan pengangkutan teksi. Adakah anda bersetuju dengan pernyataan ini? [6 markah]
- (c) Jelaskan kesan terhadap ekonomi apabila kerajaan mengetatkan syarat terhadap pemberian lesen kepada para pemandu Grabcar. [8 markah]

5. Pernyataan di bawah berkaitan dengan Encik Raju seorang usahawan makanan.

Encik Raju seorang usahawan muda lepasan universiti memulakan perniagaan kedai makan BBQ Steamboat' di Johor Bahru. Setelah setahun menjalankan perniagaan, kedai makan Encik Raju semakin maju dan mendapat sambutan yang luar biasa termasuk daripada warga Singapura. Hal ini menyebabkan Encik Raju mengembangkan lagi perniagaannya dengan membuka sebuah lagi cawangan dan membeli sebuah lori bagi memudahkan urusan membeli bahan mentah.

- (a) Jelaskan konsep kos pengeluaran. [4 markah]
- (b) Bank perdagangan menyediakan pelbagai kemudahan pembiayaan kepada usahawan.
Jelaskan pembiayaan yang sesuai untuk Encik Raju. [7 markah]
- (c) Kemudahan pembiayaan bank perdagangan mampu membantu negara mencapai guna tenaga penuh. Bincangkan. [9 markah]

6. Maklumat berikut berkaitan dengan pengangguran yang berlaku di Malaysia pada tahun 2020.

Pengangguran telah melonjak kepada 5.0 peratus yang mana penganggur meningkat 48.8 peratus berbanding tahun sebelumnya kepada 778.8 ribu orang. Penutupan operasi sebahagian besar perniagaan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hingga April 2020 telah memberi kesan kepada kehilangan pekerjaan. Pandemik itu juga menjelaskan banyak perniagaan sehingga mengalami penurunan permintaan dan tidak dapat beroperasi seperti biasa.

Sumber : Survei Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020

- (a) Jelaskan jenis pengangguran yang diterangkan dalam petikan di atas. [4 markah]
- (b) Jelaskan kesan pengangguran terhadap ekonomi. [7 markah]
- (c) Cadangkan tindakan yang perlu anda laksanakan untuk menangani masalah pengangguran. [9 markah]

7. Maklumat berikut berkaitan dengan pelaburan langsung asing di Malaysia.

Pelaburan langsung asing meningkat 34.7 peratus

Aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) meningkat 34.7 peratus kepada RM9.1 bilion pada suku pertama tahun ini daripada RM6.8 bilion pada suku sebelumnya, disokong pemulihan pelaburan ekonomi pada 2021.

"Aliran FDI di Malaysia menunjukkan pemulihan dengan mencatatkan RM9.1 bilion, angka pelaburan tertinggi sejak Malaysia dilanda penularan COVID-19 dipacu aliran masuk ekuiti serta dana pelaburan saham yang lebih tinggi, khususnya dalam sektor Pembuatan dan Perkhidmatan," katanya dalam laporan Statistik FDI dan DIA pada 2020 yang diterbitkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), hari ini.

Sumber: <https://www.bharian.com.my/bisnes>

- (a) Jelaskan cara-cara pelaburan langsung asing boleh dilaksanakan di negara kita. [4 markah]
- (b) Kemasukan pelaburan langsung asing memberikan impak positif kepada ekonomi Malaysia.
Bincangkan. [7 markah]
- (c) Bagaimanakah kerajaan dapat memastikan kemasukan pelaburan langsung asing ke Malaysia terus berkembang. [9 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

JAWAPAN

Bahagian B

